

SOALAN NO. : 36**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN MALAYSIA****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO LEUNG [ALOR SETAR]****TARIKH : 25 OKTOBER 2017 (RABU)****SOALAN :**

Tuan Gooi Hsiao Leung [Alor Setar] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan sama ada kertas siasatan untuk projek pembangunan Aman Laut Kuala Kedah telah disiapkan dan bila tindakan mahkamah akan diambil bersusulan dengan soalan Parlimen saya kepada Menteri bertarikh 8 Ogos 2017.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah telah menyediakan Kertas Siasatan (*Investigation Paper, IP*) terhadap pihak pemaju projek pembangunan Aman Laut Kuala Kedah dan dimaklumkan bahawa kertas siasatan tersebut dalam proses semakan bagi tujuan dikemukakan kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR) untuk mendapatkan izin mendakwa terhadap kes ini.

Sekian, terima kasih.